

KEUSAHAWANAN SOSIAL DALAM ATASI MASALAH PELUANG PERKERJAAN GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)

(SOCIAL ENTREPRENEURSHIP SOLUTION OF EMPLOYMENT OPPORTUNITIES FOR
PEOPLE WITH DISABILITIES)

Norhasyikin binti Rozali^{1*}
Balqis binti Yaacob@Salleh²
Zaihana binti Manshor³
Shuhairimi Abdullah⁴
Azizan Bahari⁵

Abstrak

Pekerjaan merupakan intipati penting dalam isu golongan OKU, selain dari isu pendidikan, kebajikan, kemudahan, bantuan dan sebagainya. Keusahawanan sosial perlu dilihat sebagai batu loncatan baru dalam membuka peluang pekerjaan golongan OKU. Cabaran dan halangan golongan ini perlu di beri perhatian dalam menjadikan bidang dan pendekatan keusahawanan social sebagai salah satu langkah proaktif untuk membantu golongan ini. Namun begitu, keusahawanan sosial dan OKU masih dilihat baru dan perlu diterokai dengan lebih luas untuk manfaat golongan ini.

Kata Kunci: keusahawanan sosial, pekerjaan dan orang kurang upaya

Abstract

The work is the essence of the issue of people with disabilities, apart from the issue of education, welfare, comfort, help and so on. Social entrepreneurship should be seen as a stepping stone to new employment opportunities of the disabled. Challenges and obstacles they need to pay attention in the field of social and entrepreneurial approach as one ledge proactive to help these people. However, social entrepreneurship and the disabled still new and needs to be explored more widely for the benefit of persons with disabilities.

Keywords: social entrepreneurship, employment and disabled people

2016 GBSE Journal

^{1 2 3} merupakan calon PhD di Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Komunikasi Universiti Malaysia Perlis. Tel.: 019 4337078, Emel: huwaida_67@yahoo.com (NORHASYIKIN BINTI ROZALI)

^{4 5} Dr dan Profesor Madya, Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Komunikasi Universiti Malaysia Perlis Emel: shuhairimi@unimap.edu.my.

Pengenalan

Kecacatan adalah perihal yang merujuk kepada sesuatu keadaan, sifat yang kurang sempurna. Ini belaku kepada seseorang individu sama ada untuk tempoh tertentu ataupun kekal dalam kehidupan harian, keterbatasan untuk meningkatkan fungsi pergerakan, penglihatan, pendengaran, pertuturan dan sebagainya. *World Health Organization* (WHO) and *World Bank* (2011), kecacatan tidak hanya merujuk kepada ciri-ciri tetap seperti kecacatan untuk keadaan sementara atau tetap tetapi melibatkan stereotaip terhadap OKU sebagai pengguna kerusi roda, buta sejak kecil ini membentuk persepsi awam dan membentuk pendekatan polisi terhadap OKU. OKU didefinisikan sebagai seseorang yang mempunyai kekurangan jangka panjang daripada segi fizikal, mental, intelektual atau deria apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan boleh menyekat penyertaan penuh dalam masyarakat (AKTA OKU, 2008). Golongan orang kurang upaya mendapat perhatian khusus dibawah seliaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung (JTKSM). Bermatlamat untuk menyediakan kemudahan, bantuan, pendidikan, latihan vokasional dan saluran pekerjaan, dalam usaha untuk menangani masalah pengangguran dan kemiskinan dalam kalangan OKU.

Perkerjaan dan Orang Kurang Upaya

Bahkan kerajaan dalam usaha untuk membantu golongan ini, melaksanakan polisi dan undang-undang yang mampu memberi peluang kerja kepada golongan OKU. Antaranya, akses kepada pekerjaan, melalui Akta 685, Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil.10/1988 dan dipertingkatkan melalui Perkeliling Bil 3 /2008 yang dikuatkuasakan pada 1 April 2008 dalam sektor kerajaan. Manakala dalam sektor swasta Jawatankuasa Pengajian Orang Cacat di Sektor Swasta telah di tubuhkan dalam tahun 1990 di bawah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia telah mewujudkan Kod Amalan Pengajian Orang Kurang Upaya. Hal ini, dianggap gagal apabila inisiatif kerajaan menunjukkan masih ramai golongan OKU berkelayakkan bekerja tidak berjaya mendapat pekerjaan dan menganggur (Khuo, Tuin, & Lee 2012; Ang, 2014).

Usaha ini masih belum dapat menangani isu berkaitan secara menyeluruh melalui program yang dilaksanakan oleh kerajaan mahupun NGO dan swasta, (Paker Harris, Renko, Caldwell (2012). Isu pekerjaan begitu sinonim dengan golongan OKU, terutama sudut peluang pekerjaan. Usaha kerajaan mahupun NGO dipergiatkan melalui insentif untuk bekerja sendiri (*self-employment*) dan ceburi bidang keusahawanan (Blank, Sandle, Schmeling & Scharts 2000) untuk mengekang masalah pesepektif majikan (Ang, 2014, Siti Suhaila, 2013), diskriminasi (Blank, Sandle, Schmeling & Scharts 2000; Boo et al., 2011), dan aksestabiliti (Mohd Hafiz, 2009; Zinaida, 2006). Kajian berkaitan OKU berkerja sendiri (Griffin, Hammis, Keeton, Sullivan, 2014) dan kajian keusahawanan OKU (Roni, 2009; Cooney 2008) telah lama dikaji dan melihat kepada keupayaan mengatasi masalah golongan ini.

Pekerjaan merupakan hala tuju kepada kehidupan seseorang individu termasuklah golongan OKU (Zinaida, 2006). Melihat sudut pandangan dan keadaan OKU tidak dapat dinafikan golongan ini mempunyai kemahiran yang terhad, pendapatan kurang dan peluang kerja terhad dan tiada kerja. Keadaan ini dilalui oleh semua OKU di seluruh dunia, ramai diantara

mereka bekerja sendiri, usahawan dan bekerja di organisasi kerajaan atau swasta. Namun jumlah mereka yang memperoleh pekerjaan amatlah rendah jika dibandingkan dengan mereka yang sempurna. Berdasarkan beberapa kajian oleh Paris, *Organisation of Economic Co-operation and Development 2010, Washington, World Bank 2009*, negara maju dan negara membangun kadar pekerja OKU adalah jauh lebih rendah berbanding pekerja normal. Kebanyakan negara keadaan ini adalah dianggap biasa apabila kadar pekerja OKU bekerja rendah, malah tidak semua negara mengambil berat dalam merekod atau mendokumentasikan golongan minoriti ini. Analisis yang dilakukan oleh World Health Survey berdasarkan penglibatan 51 buah negara menunjukkan kadar pekerja OKU lelaki sebanyak 52.8% dan pekerja wanita OKU sebanyak 19.6%, dibandingkan dengan pekerja lelaki normal sebanyak 64.9% dan pekerja wanita normal 29.9%. Kajian *Organisation of Economic Co-operation and Development* mendapati kadar purata pekerja OKU adalah 44% dari 75% pekerja normal.

Melihat dari kesungguhan kerajaan Malaysia di bawah Kementerian Pembangunan Wanita Masyarakat dan Keluarga (KPWMK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) golongan OKU mendapat perhatian khusus dari pelbagai sudut bantuan, latihan, kemudahan, dan pekerjaan. Namun begitu, kenyataan sukar mendapatkan pekerjaan yang dihadapi oleh golongan ini masih belum menemui jalan penyelesaian. Peraturan golongan OKU yang menganggur meningkat dari setahun ke setahun (Norasmah, 2013; M. Ang, 2012). Sungguhpun, keadaan ini agak membimbangkan hal ini adalah keadaan biasa yang berlaku di seluruh negara. Namun ini tidak wajar dijadikan alasan bahawa golongan ini tidak perlu diberi perhatian. Golongan OKU adalah sebahagian asset negara yang produktif jika dimanfaatkan sedaya upaya kemampuan golongan ini mampu mengatasi orang normal. Keterbatasan fizikal bukan penghalang untuk golongan ini menjadi pekerja yang produktif dengan hasil kerja jauh luar biasa dari golongan normal, (Paker Harris, Renko, Caldwell, 2012, Hindle, Noble, Philip 1999).

Cabaran Alam Pekerjaan Orang Kurang Upaya

Tidak dapat dinafikan golongan ini menghadapi pelbagai halangan dalam mendapat pekerjaan. Memasuki alam pekerjaan merupakan sebahagian cabaran besar golongan ini, WHO menyenaraikan beberapa faktor penghalang antaranya (a) kekurangan pendedahan terhadap pendidikan dan latihan, suasana peskitaran kerja (b) salah tanggapan terhadap OKU dimana majikan tidak yakin akan keupayaan OKU untuk bekerja (c) diskriminasi golongan ini dipinggirkan (d) undang-undang yang meyekat berlaku di negara-negara Eropah.

Malaysia juga tidak terkecuali dari menghadapi situasi seumpama terhadap OKU. Isu yang melibatkan OKU adalah hasil dari sikap masyarakat yang memandang rendah keupayaan golongan ini yang dianggap hanya mengharap belas kasihan masyarakat dan tidak layak untuk mendapatkan pekerjaan. Pandangan ini seharusnya dihakis dalam kalangan masyarakat agar tidak menyekat peluang-peluang OKU. Hal ini, terus di usahakan dalam kalangan majikan yang berpandangan negatif untuk menerima OKU bekerja. Menurut Tan 2004, diskriminasi OKU tidak terbatas kepada peluang kerja malah dari segi kenaikan pangkat atau pengekalan pekerjaan.

a. Persepsi dan diskriminasi

Ketidakhadiran majikan ini jelas apabila kebanyakan OKU yang berkerja hanya dapat bertahan untuk beberapa bulan sahaja, hasil dari penelitian oleh KPWMK 50%

pekerja OKU meletak jawatan selepas enam bulan bekerja. Ang (2014), kajian terhadap Akta dan budaya organisasi mempengaruhi niat pengurus untuk mengupah OKU, menunjukkan majikan di Malaysia masih tidak berkeyakinan untuk mengaji OKU. Disamping mempunyai sikap prajudis terhadap keupayaan dan kebolehan OKU untuk bekerja dan menyumbang dalam pembangunan organisasi. Majikan lebih cenderung untuk memilih pekerja OKU dengan mengenakan syarat-syarat yang sama seperti pekerja normal. Sedangkan hal ini tidak sepatutnya belaku kerana jelas bahawa keupayaan seorang OKU dan normal berbeza. Ketidakadilan belaku dimana sahaja namun adakah ini wajar dijadikan garis ukur untuk golongan OKU mendapatkan pekerjaan.

b. Persekitaran tempat kerja/aksestabiliti

Lebih memeritkan lagi, pasaran kerja tidak memenuhi keperluan infrastruktur yang bersesuaian dengan keperluan OKU. Sebagai contoh laluan perjalan kaki orang buta, tandas OKU, tempat letak kereta OKU, dan akses-akses yang memudahkan pergerakan OKU. Majikan memandang ini sebagai bebanan yang perlu ditanggung kerana pengubahsuaian melibatkan kos tinggi. Ishak (2008), menyatakan bahawa masyarakat perlu menanam sikap prihatin terhadap keperluan OKU tanpa menafikan hak mereka untuk menggunakan kemudahan awam yang disediakan.

Mohd Hafiz (2009), mendapati bahawa rata-rata pelajar OKU tidak berpuas hati dengan penempatan dan peluang kerjaya untuk OKU, di mana permasalahan adalah kerana kekurangan pekerjaan yang bersesuaian dan persepsi majikan yang salah terhadap OKU. Zinaida (2006), pandangan majikan terhadap OKU yang menganggap OKU tidak boleh diharap kerana mereka sering tidak dapat hadir akibat masalah kesihatan dan melibatkan kos yang tinggi untuk mengaji OKU. Kemampuan golongan ini tidak seharusnya di perkecilkan mereka mempunyai kemampuan dan keupayaan yang tinggi, rajin kerja, dan lebih fokus.

c. Motivasi sokongan keluarga

Kecacatan yang dialami samaada sejak lahir mahupun selepas kemalangan bukan lah suatu yang mudah untuk diterima dan dilalui oleh OKU, namun ianya tetap dihadapi walaupun dengan bebekalkan sedikit keyakinan dan sokongan. Golongan ini amat memerlukan sokongan dan galakan dalam memastikan kelangsungan hidup mereka terjamin. Menurut Li et al., (2011), peranan kaunseling amat diperlukan dalam pembentukkan kerjaya dan memotivasikan OKU untuk lebih positif dalam memasuki alam pekerjaan.

Kajian yang dilakukan oleh Aminah Ishak (1990), kajian terhadap pelajar cacat penglihatan mendapati kepercayaan dan keyakinan pelajar ini terhadap peluang pekerjaan adalah negatif. Manakala Jiti Taheing (1996), kebergantungan hidup OKU terhadap masyarakat akan menyebabkan keraguan dan menghakis keyakinan diri untuk mendapatkan pekerjaan, walaupun ada dalam kalangan mereka berpendidikan namun terabai dari alam pekerjaan.

Lebih merumitkan keadaan apabila golongan ini, dikatakan tidak mendapat sokongan penuh dari keluarga. Ramai diantara ibubapa yang memepunyai anak OKU tidak berusaha membantu anak-anak OKU ini meningkatkan keupayaan diri. Norasmah (2014), menyatakan adalah amat penting penglibatan secara langsung ibubapa dan keluarga dalam memberi

sokongan kepada anak-anak ini sejak kecil lagi. Kekurangan mereka bukan sahaja mengharapkan bantuan fizikal dan perlindungan sahaja malah lebih dari itu.

Kebanyakan ibubapa tidak mendaftarkan anak-anak OKU dibawah JKM, hal ini menyukarkan bantuan dan dokumentasi golongan ini. Hal ini juga mengakibatkan mereka tidak dapat hak yang sepatutnya. Sikap ibu bapa yang lepas tangan apabila anak-anak ke pusat pemulihan tidak dapat membantu perkembangan lebih positif anak-anak OKU. Pengharapan golongan ini terletak asasnya kepada ibubapa dan keluarga untuk memberi galakan dan dorongan untuk memiliki kehidupan yang jauh lebih baik dan seterusnya berjaya dalam hidup.

d. Pendidikan dan latihan vokasional

OKU tidak pernah dikecualikan dalam sistem pendidikan Malaysia, malah pelbagai peluang dan latihan disediakan untuk memastikan golongan ini cukup bersedia menghadapi alam pekerjaan. Masalah timbul apabila latihan yang diperolehi tidak memenuhi kehendak dan keperluan majikan. Krusus yang diambil pula tidak selari dengan kehendak dan syarat kerja yang di pohon. Kajian Khoo at el., (2012), menyatakan bahawa hasil kajian membuktikan Malaysia masih kurang dan ketinggalan dalam konteks menyediakan kesaksamaan pendidikan dan peluang pekerjaan untuk golongan OKU.

Keusahawanan Sosial dan Usahawan Orang Kurang Upaya

Pelbagai program dirangka khususnya di Malaysia dalam usaha untuk membantu golongan ini Zainida (2006), pendidikan, pemulihan, latihan kemahiran, peluang kerja malah peluang perniagaan. Namun, Ang 2012 dan Norasmah 2014 mempertikaitkan sejauhmana program dan polisi yang dilaksanakan mampu untuk membantu golongan OKU. Khoo at el., 2012, juga menolak bahawa polisi mahupun program yang dilaksanakan dapat membuka ruang kepada OKU pelbagai kaum untuk mendapatkan peluang-peluang yang ada, khususnya dalam sektor pekerja. Polisi di Malaysia dilihat masih belum mampu sepenuhnya membela golongan OKU. Maka, perlu untuk semua pihak mencari alternatif untuk menyelesaikan isu-isu ini, kunci penyelesaian adalah dengan membuka ruang baru bidang keusahawanan sosial dimana, usahawan OKU sedia ada perlu menerokainya dalam usaha untuk membantu golongan senasib. Peranan kerajaan perlu diberi fokus untuk tujuan galakan dan halangan yang mampu diatasi dalam sosio budaya.

Keusahawanan sosial yang mulai mendapat tempat di Malaysia kini (*Blue Print MaGIC, 2015*), membuka lembaran baru kepada penerokaan bidang ini melalui golongan OKU dan secara langsung peranan usahawan OKU. Pendekatan, keusahawanan sosial dalam usaha untuk menjadi strategi kepada penyelesaian masalah peluang pekerjaan golongan ini, (Paker Harris, Renko, Caldwell 2014 & 2012; Gidron 2013; Linton 2013). Usahawan dan keusahawan adalah suatu istilah yang kian berkembang pesat definisi dan kajian terhadapnya, malah di Malaysia kemunculan ramai usahawan baru memberi impak positif terhadap ekonomi negara. Alasan utama perkembangan bidang keusahawanan adalah kerana terdapat bukti-bukti yang didokumentasikan wujud hubungan positif diantara keusahawanan dan pertumbuhan ekonomi (Cooney, 2008). Oleh yang demikian, pelbagai kaedah yang diaplikasikan dan diserapkan dalam sosial masyarakat dalam mempergiatkan pengenalan kefahaman masyarakat terhadap “keusahawanan” dan “keusahawanan sosial”.

Secara umumnya, usahawan didefinisikan sebagai seseorang yang mengusahakan suatu perniagaan dengan bermatlamatkan keuntungan dan inovasi dalam perniagaan. Melihat secara global dari seluruh negara telah ramai usahawan OKU lahir dengan pelbagai jenis perniagaan diceburi. Bertitik tolak dari kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan golongan ini lebih cenderung untuk bekerja sendiri dan akhirnya menjadi usahawan, tidak kira perniagaan kecil-kecilan mahupun besar-besaran. Potensi yang luas dalam bidang keusahawanan, ini telah mendorong kerajaan berusaha keras untuk membudayakan bidang ini kepada masyarakat melalui pelbagai pendekatan, jabatan, agensi dan sebagainya. Antara insentif-insentif yang boleh dilakukan untuk membudayakan bidang keusahawanan di Malaysia adalah dengan pengukuhan program ilmu pengetahuan contoh usahawan oku berjaya dan sokongan berterusan kerajaan (Ab. Mumin dan Suhaili 2005). Hal ini tidak terkecuali OKU, melalui pendedahan dan skim dibawah seliaan JTKSM dan JKM.

Kini telah ramai usahawan OKU berjaya dalam pelbagai kemahiran yang diceburi dan secara tidak langsung mengangkat mereka sebagai usahawan berjaya. Usahawan OKU berjaya ini telah membuktikan mereka mampu menjalankan perniagaan seperti kedai menjahit baju, menternak lembu, menternak ikan sangkar, bengkel kereta dan kedai makan (Muhammad Nur Zaini, 2001). Bidang keusahawanan sangat bertepatan dengan keperluan golongan OKU yang mempunyai kemahiran yang dapat dikembangkan melalui perniagaan walaupun ianya bersaiz kecil. Secara tidak langsung masalah golongan OKU dalam sektor pekerjaan dapat diatasi dengan lebih baik. Pendedahan dan latihan untuk mempersiapkan diri dengan ilmu perniagaan amat perlu dan perlu pendekatan yang lebih proaktif. Selain mewujudkan suasana positif golongan ini untuk menceburi bidang keusahawanan.

Malaysia mengorak langkah yang lebih proaktif dalam menerokai bidang “Keusahawanan Sosial” yang dilihat lebih berpotensi dalam memberi impak besar terhadap perubahan masalah sosial yang bakal ditangani dengan nilai tambah (Corner & Ho, 2010, Austin, Stevenson & Wei, 2006, Mair, Robinson & Hockets, 2006, Mair & Marti, 2005) yang melalui bidang ini. Mengaplikasikan peluang luas bidang keusahawanan sosial melalui keusahawanan orang kurang upaya sebagai strategi peluang pekerjaan untuk golongan OKU.

“This band of social entrepreneurs is ceating a growing momentum where more and more Malaysian is deciding to give back to the community through enterprising means. This is positive change in our entrepreneurship landscape.” Mohd Irwan Serigar Abdullah, Secretary-General of Treasury, Ministry of Finance, Chairman, MaGIC. Pendekatan keusahawanan sosial yang berbeza dengan keusahawanan komersial adalah ianya sentiasa mengfokuskan matlamat untuk mengatasi masalah sosial respond kepada pesekitaran pasaran (Mair, Robinson & Hockets, 2006) samaada berdasarkan keuntungan mahupun ketidakuntungan. Isu OKU, pekerjaan, pengangguran dan kemiskinan merupakan petunjuk kepada masalah sosial yang perlu ditangani, melalui keperluan sosial dan penyelesaian kreatif.

Keusahawanan sosial dikenalpasti sebagai salah satu pendekatan mengalakan peluang pekerjaan dalam kalangan OKU. Peluang untuk kejayaan atau kegagalan dalam pasaran adalah berdasarkan merit Usahawan Sosial OKU itu sendiri, melalui kesamarataan peluang (Paker Harris, Renko, Caldwell 2014; Austin, Stevenson & Wei, 2006). Persoalannya, bidang keusahawanan sosial perlaksanaan kepada strategi galakkan peluang pekerjaan OKU dengan

mengambil kira tahap peningkatan kadar mengupah golongan OKU oleh Usahawan Sosial OKU, Paker Harris, Renko, Caldwell (2014) secara langsung mengurangkan penganguran dan kemiskinan. Sejauhmana, bidang keusahawanan sosial dimanfaatkan di Malaysia, khususnya terhadap usahawan OKU dan golongan OKU.

Rumusan

Cabaran dan halangan golongan OKU dalam alam pekerjaan merupakan faktor yang amat mempengaruhi peluang golongan OKU untuk mendapatkan pekerjaan. Melalui, bidang keusahawanan sosial, usahawan OKU mampu membuka ruang peluang yang lebih besar untuk mendapat tempat dalam pasaran kerja. Kesimpulannya, pendekatan dan pelaksanaan keusahawanan social bakal memberi impak besar kepada usahawan OKU dan golongan OKU.

Rujukan

- Akta 685, *Akta Orang Kurang Upaya 2008*. Undang-undang Malaysia.
- Ang, M. (2012). *Work and Disability: A Malaysian Scenario*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ang, MCH. (2014). Do Person with Disabilities Act (2008) and Organization Culture Influence Managerial Intention to Hire Persons with Disabilities?: The Malaysia Perspective. *Journal Pengurusan* 41(2014) 81-89.
- Austin, J., Stevenson, H., & Wei-Skillern, J. (2006). Social and Commercial Entrepreneurship: Same, Different, or Both?. *Journal Entrepreneurship Theory and Practice*.
- Aminah Ishak. (1990). “Maklumat Pekerjaan dan Masalah Penempatan di Kalangan Pelajar Cacat Penglihatan di Peringkat Sekolah Menengah Atas”. Disertasi Sarjana Pendidikan Tidak Diterbitkan. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Blanck, P.D , Slander, L.A. , Schmeling, J. L. , Schartz, H. A. (2000). the emerging workforce of entrepreneurs with disabilities- preliminary study of entrepreneurshi in IOWA.pdf.
- Boo, S., Loong, J., & Ng, W. (2011). Work Experiences of People with Mental Illness in Malaysia : A Preliminary Qualitative Study. *The Qualitative Report*, 16(1), 162–179.
- Caldwell, K. Paker S. H, & Renko, M. (2012). The potential of social entrepreneurship: Conceptual tool for applying citizenship theory to policy and practice. *Intellectual and Development Disabilities*. Vol. 50. No. 6, 505-518.
- Corner.P.D.& Ho.M. (2010). How Opputunities Develop in Social Entrepreneurship. Article in Entrepreneurship theory and practice.
- Cooney, T. (2008). Entrepreneurial with Disabilities: Profile of a Forgotten Minority. *Iris Business Journal*. Vol 4, no.1, p.p. 119-129.
- Griffin, Cary., Hammis, David., & Keeton, B. (2014). *Making Self-Employment Work for People with Disabilities -Second Edition*. Brookes Publishing.
- Gidron, B. (2014). Market-oriented social Enterprises employing people with disabilities: A Participants’ Perspective. *Journal of Sosial Entrepreneurship*. Vol. 5, No. 1, 60-76.
- Hisrich, R.D., Peters, M.P (2002). *Entrepreneurship*. New York: McGraw Hill.
- Hindle, K., Noble, J., & Phillips, B. (1999). Are Workers with a Disability Less Productive ? An Empirical Challenge to a Suspect Axiom. In *The Refereed Stream of The Anzam 99 Conference University of Tasmania* (pp. 1–8).
- Ishak, Z.(2008). “Hari Tongkat Putih bawa mesej kesedaran.” Diperoleh Julai 6, 2015 dari

- <http://www.utusan.com.my>.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (2015). <http://www.jkm.gov.my>
- Jabatan Tenaga Kerja (2015). <http://jtkm.mohr.gov.my>
- Jiti Taheing (1996). “Komuniti Cacat Penglihatan dan Masalah Mendapatkan Pekerjaan: Satu Kajian Kes di Bandaraya Kuala Lumpur”. Latihan Ilmiah Tidak Diterbitkan. Universiti Malaya.
- Kamus Dewan, Edisi Keempat, (2015). Bahasa dan Pustaka.
- Khoo, S. L., Ta, T. L., & Lee, L. W. (2012). The Role of the State towards Employability of Malaysian PWDs – Myth or Reality? *International Journal of Sosial, Education, Economics and Management Engeneering*, 6(6), 255–260.
- Linton, K.,F. (2013). Developing a social enterprise as a social worker. *Administration in social work*. 37:5, 458-470.
- Li, L. P., Muhamad, A. S., & Peng, C. F. (2011). Peranan Kaunselor dan Perkhidmatan Kaunseling Kerjaya bagi Orang Kurang Upaya, 1(2), 233–246.
- Mohd Hafiz Abdul Rahman, (2009). “The Study of Development Program for The Disabled Community in Malaysia: The Opportunities and Problems in Education and Employment”. Disertasi Sarjana Ekonomi Tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Nor Zaini Jaafar, (2001). “Tahap Kemajuan dan Kemahiran Keusahawanan di Kalangan Individu Kurang Upaya di Malaysia”. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norasmah, O. (2014). *Keusahawanan Orang Kurang Upaya Di Malaysia*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mair, J., Robinson, J., & Hockerts, K., (2006). *Social Entrepreneurship*. New York. Palgrave Macmillan.
- Mair, J., & Marti, I., (2005). Social Entrepreneurship Research: A Source of Explanation, Prediction, and Delight. *Journal of World Business*.
- Peter,S.H. Renko, M, & Caldwell, K. (2014). Social entrepreneurship as an employment pathway for people with disabilities: exploring political-economic and social-culture factors. *Disability & Society*. Vol.29, No.8, 1275-1290.
- Roni, N. N. (2009). Disabled Entrepreneurship : A viable route of opportunity for the disabled ?, *240421*, 1–16.
- Senarai Kemudahan dan Keistimewaan bagi Orang Kurang Upaya. Jabatan Kebajikan Masyarakat. Diperoleh Mac 27, 2015 dari www.jkm.gov
- Tan Suk Peng, (2004). “Kajian Kemahiran Keupayaan Perolehan Kerja Bagi Golongan Kurang Upaya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor”. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendeddikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zunaida Ariffin. (2006). *Kerjaya Untuk Orang Kurang Upaya*. Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.